



# MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(No. Syarikat 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan))

## NOTIS REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V) ("MRT Corp"), sebuah syarikat dibawah Kementerian Kewangan (Diperbadankan) ingin menjemput para pembida yang berminat untuk menyertai RFP ini yang bertujuan untuk melantik pengendali sistem solar PV di laluan MRT Kajang dan Putrajaya.

TAJUK DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT RFP	TAKLIMAT RFP
<b>REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR SOLAR PV SYSTEM OPERATION AT MRT KAJANG AND PUTRAJAYA LINE</b>  (RFP NO: RFP/PD/Q38-2023)	<p><b>a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</b> Memiliki sijil pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang sah.</p> <p><b>b) Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari / Sustainable Energy Development Authority (SEDA)</b> Memiliki sijil pendaftaran Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) yang sah.</p> <p><b>c) Suruhanjaya Tenaga (ST)</b> Memiliki sijil pendaftaran Suruhanjaya Tenaga (ST) yang sah.</p>	<p>Tarikh : <b>Jumaat, 18 Ogos 2023</b> Masa : <b>10:00 pagi</b> Lokasi Taklimat : <b>Dewan Serbaguna, Tingkat 5, Menara I&amp;P 1, No.46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</b> Tapak Lawatan : <b>Serdang MRT Depoh, Kajang MRT Depoh, Sungai Buloh MRT Depoh atau Stesen MRT Pasar Seni.</b> (melalui temujanji)</p> <p>Pendaftaran akan bermula pada <b>Jumaat, 11 Ogos 2023 sehingga Jumaat, 18 Ogos 2023</b>. Hanya Peserta yang telah membuat pendaftaran dan memenuhi syarat-syarat wajib yang ditetapkan akan dibenarkan menghadiri ke sesi taklimat. Wakil dari setiap syarikat yang dibenarkan untuk menghadiri sesi taklimat ini adalah tidak melebihi daripada <b>dua (2) orang</b> sahaja. Semua syarikat yang berminat untuk menyertai dikehendaki mendaftar secara atas talian menerusi salah satu pautan di bawah: 1. Laman Web MRT Corp <a href="http://www.mymrt.com.my">www.mymrt.com.my</a> ; 2. Pautan <a href="https://forms.gle/tH9m54RjWvm89Yv8">https://forms.gle/tH9m54RjWvm89Yv8</a> dan; 3. Mengimbas kod QR yang disediakan.</p>  <p>Pendaftaran bermula pada <b>Jumaat, 11 Ogos 2023</b>.</p>

Dokumen RFP akan diberikan kepada Pembida yang layak tanpa sebarang bayaran melalui alamat e-mel yang didaftarkan.

Pembida wajib menyerahkan Dokumen RFP yang sudah lengkap termasuk segala maklumat sokongan yang diperlukan dan ditetapkan di dalam Dokumen RFP.

Tarikh serahan bagi Dokumen RFP adalah pada **Jumaat, 14 September 2023**. Dokumen RFP yang sudah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas Tajuk RFP dan Nombor RFP di bahagian atas tengah sampul surat dan perlu diserahkan **tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Sebarang penyerahan dokumen yang lewat akan dibatalkan penyertaan.

Selain daripada syarat-syarat di atas, Pembida **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

### KRITERIA MANDATORI

- 1) Pembida **TIDAK DIBENARKAN** untuk membentuk Usahasama / Konsortium tidak diperbadankan untuk menyertai RFP ini.
- 2) Pembida perlu mempunyai pengalaman melengkapkan sekurang-kurangnya satu (1) projek dalam menyediakan perkhidmatan tenaga kepada klien melalui Perjanjian Pembelian Tenaga (*Power Purchase Agreement (PPA)*) sistem solar.
- 3) Pembida perlu mempunyai pengalaman melengkapkan sekurang-kurangnya satu (1) projek mereka bentuk, menyelia pemasangan serta operasi pembinaan dan penyelenggaraan sistem panel solar.

### Nota:

1. Pembida perlu memastikan dokumen pendaftaran seperti yang diperincikan masih sah pada tarikh penyerahan dokumen RFP.
2. Kesemua pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
3. Sijil-sijil pendaftaran hendaklah **SALINAN YANG DISAHKAN oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat** seperti yang dinyatakan di dalam Dokumen RFP. Pembida adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK AKAN DITERIMA** selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
4. MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana bidaan dari mana-mana Pembida tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pembida yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
5. Pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui e-mel kepada [procurement.dev@mymrt.com.my](mailto:procurement.dev@mymrt.com.my). Untuk maklumat lanjut berkenaan MRT Corp, sila layari laman web di alamat [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my).

[www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my)